<u>**Semak Semula Terma dan Syarat untuk AmFlexi-Plus (Klausa 3.1, Klausa 4.2 and Klausa 4.3)**</u>

Pemegang Kad yang Dihargai,

Kami ingin memaklumkan bahawa Klausa 3.1, Klausa 4.2 dan Klausa 4.3 dalam Terma dan Syarat AmFlexi-Plus telah disemak semula. Perubahan pada klausa dan tarikh penguatkuasaan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

<table>
<tr><th>Klausa Semakan</th><th>Tarikh Kuat Kuasa</th></tr>
<tr><td>Klausa 3.1: Program ini terpakai untuk baki runcit belum jelas di dalam Kad Pemegang Kad yang memenuhi amaun minimum seperti yang dinyatakan pada masa permohonon.</td><td>Selasa<br>26 Oktober 2022</td></tr>
<tr><td>Klausa 4.2: Sebarang permohonan yang diluluskan untuk Program ini adalah tertakluk pada kadar faedah/yuran pengurusan yang ditawarkan kepada pemegang Kad pada masa permohonon yang dikira berdasarkan amaun permohonan dan Tempoh yang dipilih.</td><td>Selasa<br>26 Oktober 2022</td></tr>
<tr><td>Klausa 4.3: Kadar faedah/yuran pengurusan akan dikira terlebih dahulu di atas amaun yang telah ditukarkan dan akan dibilkan bersama dengan ansuran bulanan sepanjang Tempoh yang dipilih seperti contoh berikut:
<table>
<tr><td>Amaun AmFlexi-Plus</td><td>RM3,500.00</td></tr>
<tr><td>Faedah/Yuran pengurusan</td><td>7.99% setahun</td></tr>
<tr><td>Tempoh</td><td>24 bulan</td></tr>
<tr><td>Ansuran Bulanan</td><td>Pembayaran Balik/Pembayaran Prinsipal Bulan Pertama = RM165.00<br>Pembayaran Balik/Pembayaran Prinsipal Bulan Berikutnya = RM145.00<br><br>Faedah/Yuran pengurusan = (RM3,500 x 7.99% x 2 tahun) / 24 bulan<br>= RM23.30 sebulan untuk 24 bulan<br><br>Ansuran Bulan Pertama = RM165.00 + RM23.30<br>= RM188.30<br>Ansuran Bulan Berikutnya = RM145.00 + RM23.30<br>= RM168.30</td></tr>
</table>
Nota: Ansuran bulanan untuk amaun yang telah ditukar kepada AmFlexi-Plus dan faedah/yuran pengurusan akan dibil secara berasingan.</td><td>Selasa<br>26 Oktober 2022</td></tr>
</table>

Sila ambil perhatian bahawa semakan semula ini akan menggantikan Terma dan Syarat sebelumnya bagi AmFlexi-Plus (yang bertarikh Oktober 2021)

Sila klik <u>**di sini**</u> untuk melihat terma dan syarat yang telah dikemaskini.

Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di +603 - 2178 8888 (Isnin – Ahad, 7.00 a.m. to 11.00 p.m.) atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.

Terima kasih kerana berurusan dengan kami.